

RAJAH 1: Model Bersepadu Pembangunan dan Pengurusan Prestasi Staf UUM Berasaskan Kompetensi

Sumber: Musa Ali (2008), Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam, Pendekatan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Penerbit USM.

3.0 PROJEK PBU

PBU melibatkan semua perkhidmatan di UUM. Sebagai seorang staf, mereka bertanggungjawab untuk merancang dan memantau aktiviti untuk meningkatkan kompetensi diri masing-masing. Manakala PBU atau Pembelajaran Berterusan Universiti adalah pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu. PBU memfokuskan kepada keperluan pembangunan staf dan halatuju universiti.

4.0 PELAKSANAAN PBU

4.1 Untuk melaksanakan PBU, Unit Latihan telah diberi tanggungjawab bagi menyediakan kertas dasar dan membuat perubahan/pindaan kepada struktur kompetensi yang sedia ada.

4.2 Dalam proses ini, Unit Latihan telah mengambil pandangan dari UTLC, PERSATU, PERPATI, KESKA serta membuat lawatan kerja ke USM, UPSI dan UTeM. Proses penambahbaikan kepada pengurusan latihan dan PTK telah dilakukan seperti berikut:

- Memansuhkan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan semua peranannya diambil alih oleh Jawatankuasa Dasar Kompetensi;
- Memansuhkan panel kompetensi akademik dan bukan akademik dan digantikan fungsinya oleh Ketua Panel PBU;
- Melantik seorang Ketua Panel yang juga secara automatik menjadi Ahli Jawatankuasa Dasar Kompetensi;
- Mewujudkan peranan Sektor Audit dan Teknikal yang bertanggungjawab bagi membuat pemantauan dan kawalan.

4.3 **Struktur Pengurusan Penilaian Kompetensi**

Perubahan Struktur Pengurusan Penilaian Kompetensi yang baru adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Penilaian Kompetensi

Pengerusi	:	Naib Canselor
Ahli	:	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
		Penolong Naib Canselor
		Pendaftar
		Bendahari
		Ketua Pustakawan
		Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyenggaraan
		Pengarah Pusat Komputer
Setiausaha	:	Ketua Unit Latihan

Skop Tugas

Jawatankuasa Penilaian Kompetensi bertanggungjawab untuk:

i) Mengkaji dan meluluskan cadangan penambahbaikan dasar latihan dari semasa ke semasa,

ii) Mengenalpasti dan merancang keperluan latihan di peringkat Universiti,

iii) Memantau jaminan kualiti dan keberkesanan program-program latihan,